

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU AWAM**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	:	<b>KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	<b>PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	:	<b>H11, H14, H16, H18</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	:	<b>1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	1.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).
		<b>(Syarat Tambahan:</b> Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia). (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	2.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuastra Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4.	Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5.	Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA</b>	6.	Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	7.	Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	8.	Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>	9.	Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED H14**

10. Pembantu Awam Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H14 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED H16**

11. Pembantu Awam Gred H14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H16 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED H18**

12. Pembantu Awam Gred H16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H18 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEMANDU LOKOMOTIF  
GRED A13, PENGAWAS HUTAN  
GRED G19, PEMBANTU  
KEMAHIRAN GRED H19 ATAU  
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK  
GRED J19**

13. Pembantu Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif Gred A13, Pengawas Hutan Gred G19, Pembantu Kemahiran Gred H19 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Awam yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014).